

Kaedah kenaikan gaji berdasarkan prestasi akan diperkenal

Georgetown: Kerajaan bakal memperkenalkan kaedah yang melihat prestasi kerja dan kecakapan penjawat awam bagi menentukan, sama ada mereka berhak menerima kenaikan gaji, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Langkah itu, kata Perdana Menteri, bagi memastikan kenaikan gaji tidak akan ber-

laku secara automatik seperti amalan lazim mengikut tahun perkhidmatan yang ada ketikanya turut membabitkan penjawat awam bermasalah.

“Pemilihan (kenaikan gaji) itu berdasarkan prestasi, sekarang umpamanya ikut tahun (perkhidmatan). Kadang-kadang orang itu lembab bekerja, tidak hadir, ada masalah disip-

lin, terus dinaikkan gaji secara automatik. Kita hendak mengingatkan, ia tidak automatik.

“Mungkin automatik untuk 95 peratus, lima peratus yang dirasakan lembab dan ada masalah, itu kita akan perkenal kaedah supaya mereka dinafikan (kenaikan gaji),” katanya berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program MADANI

Rakyat 2024 Zon Utara dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Sungai Nibong, semalam.

Anwar menekankan, kenaikan gaji harus dinikmati secara adil, sekali gus kaedah atau mekanisme sesuai perlu dipertimbangkan bagi mencapai hasrat berkenaan kerana tidak adil jika yang bekerja bertungkus lumus mendapat kenaikan dan mereka

yang malas serta lembab pun mendapat kenaikan automatik.

Rabu lalu, beliau mengumumkan penjawat awam akan menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus mulai Disember depan yang dijangka membabitkan kos lebih RM10 bilion, antara kadar kenaikan tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara.